

Kuala Lumpur: Dua perompak amatir yang cuba memecah masuk sebuah kediaman di Taman Fasa Selasih Fasa 2, Batu Caves di sini, bertempiran melarikan diri sebaik disergah pemilik kediaman. Sumber berkata, kejadian berlaku seawaktu mangsa berada di rumahnya, jam 7.30 petang kelmarin. Menurutinya, suspek muncul di hadapan rumah mangsa dengan menaiki sebuah motosikal.



WAKTU SOLAT					
DAERAH	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KL/PUTRAJAYA	5.52	1.14	4.37	7.10	8.25
Petaling/Shah Alam	5.51	1.14	4.37	7.10	8.25
Gombak	5.51	1.14	4.37	7.10	8.25
Hulu Selangor	5.51	1.14	4.37	7.10	8.25
Hulu Langat	5.51	1.14	4.37	7.10	8.25
Sepang	5.51	1.14	4.37	7.10	8.25
Rawang	5.51	1.14	4.37	7.10	8.25
Sabak Bernam	5.55	1.16	4.39	7.12	8.27
Klang	5.55	1.16	4.39	7.12	8.27
Kuala Langat	5.55	1.16	4.39	7.12	8.27
N-SEMBILAN	5.48	1.12	4.36	7.11	8.25
MELAKA	5.47	1.12	4.35	7.10	8.25

Dapatkan SMS waktu solat setiap hari!
 Taip ON HMSS-jarak->DAERAH dan kirim ke 33333 Contoh: ON HMSS SHAH ALAM
 RMO 30/maj. Untuk henti, taip STOP HMSS dan kirim ke 33333. Perkhidmatan Pelanggan: 03-7803 4222 (Isnin-Jumaat, 9 pagi-5 petang)

PALING POPULAR

myMetro
 www.hmetro.com.my

VIDEO TERBARU

MetroTV
 www.hmetro.com.my/mymetrotv

- Permudahkanlah bapa ini menjaga anaknya, Amin...
- Tangisan isteri mangsa bunuh tragis
- Salah faham je...
- 'Kami sekeluarga tertekan'
- Elfira habis RM10,000 dalam sejam



Jalan tutup dibadai ombak Metro@7 18 Disember 2017

harianmetro hmetromy hmetro my hmetro

'Sangkut' atas bumbung

Bomba bantu polis 'turunkan' tiga penjenayah cuba pecah masuk rumah

Mohd Hasbi Sidek
 mohd.hasbi@hmetro.com.my

Gombak

Degil enggan menyera-
 hkan diri menyebabkan
 tiga perompak yang 'terperangkap' di atas bumbung terpaksa diberkas dengan bantuan anggota bomba.

Dalam kejadian jam 5.30 petang kelmarin, kumpulan penjenayah dikatakan memanjat bumbung sebuah kediaman di Taman Koperasi Polis, Fasa 2, di sini.

Tindakan suspek yang cuba memecah kediaman itu melalui bumbung bagaimanapun disedari orang awam sebelum saksi segera menghubungi polis.

Pihak polis bagaimanapun meminta bantuan anggota bomba untuk membawa turun suspek selepas penjenayah enggan memberi kerjasama.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur Khiruddin Drahman berkata, pihaknya menerima panggilan untuk bantuan menangkap suspek daripada pihak polis jam 5.56 petang.

"Seramai enam anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gombak Selatan ke lokasi sebelum tiba jam 6.10 petang," katanya.

Beliau berkata, anggota bomba dengan bantuan pihak polis berjaya menaiki bumbung kediaman menggunakan tangga sebelum menahan tiga lelaki.



“Anggota bomba dengan bantuan pihak polis berjaya menaiki bumbung kediaman menggunakan tangga sebelum menahan tiga lelaki”

Khiruddin Drahman

jar bumbung bangunan,” katanya.

Berdasarkan maklumat diterima, suspek dipercayai terbabit dalam kejadian pecah rumah sekitar Lembah Klang.

PERALATAN dirampas dipercayai digunakan untuk pecah masuk rumah mangsa.



SUSPEK yang enggan turun dari bumbung kediaman mangsa.

HARGA BAHAN API
 21 hingga 27 Disember 2017

RON 95	RON 97	Diesel
↑ 2 sen	↑ 2 sen	↑ 3 sen
RM2.27 seliter	RM2.54 seliter	RM2.23 seliter

Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)